

# ACTIMOL TABLET 650MG

Paracetamol 650mg

---

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Actimol Tablet 650 mg
2. Bagaimana Actimol Tablet 650mg berfungsi
3. Sebelum mengambil Actimol Tablet 650mg
4. Cara mengambil Actimol Tablet 650mg
5. Semasa menggunakan Actimol Tablet 650mg
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Actimol Tablet 650mg
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

## Apakah kegunaan Actimol Tablet 650 mg

Actimol Tablet 650 mg mengandungi 650 mg pparacetamol. Ia digunakan untuk melegakan sakit kepala, sakit belakang, senggugut, sakit kerana gejala selesema, sakit sendi dan demam.

## Bagaimana Actimol Tablet 650 mg berfungsi

Actimol Tablet 650 mg mempunyai ciri-ciri analgesik (melegakan kesakitan) dan antipiretik (anti-demam).

## Sebelum mengambil Actimol Tablet 650 mg

### -Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Actimol Tablet 650 mg jika anda alah kepada paracetamol atau *acetaminophen* iaitu nama lain untuk paracetamol.

Jika anda tidak pasti sama ada anda perlu mengambil ubat ini, dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi.

### -Sebelum mengambil

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda ada alergi/alah terhadap paracetamol/acetaminophen, sebarang ubat, makanan, pengawet atau pewarna.

Sebelum anda megambil Actimol Tablet 650 mg, beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda mempunyai sebarang masalah perubatan.

Sila bincang dengan doktor atau ahli farmasi jika anda sedang hamil, merancang untuk hamil atau menyusukan bayi.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Sediaan ini mengandungi Paracetamol/ *acetaminophen*.

Jangan mengambil sediaan lain yang mengandungi Paracetamol/ *acetaminophen* pada masa yang sama.

Kesan ubat lain boleh berlaku sekiranya diambil bersama Actimol Tablet 650 mg.

Beritahu doktor dan ahli farmasi tentang ubat-ubatan preskripsi dan bukan preskripsi yang anda sedang ambil.

Elakkan minum alkohol semasa mengambil Actimol Tablet 650 mg

## Cara pengambilan Actimol Tablet 650 mg

Telan ubat dengan air ataupun minuman lain. Sentiasa mengambil ubat ini sepertimana diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Baca arahan pada label dengan teliti. Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi sekiranya anda perlu nasihat lanjutan.

### -Berapa banyak harus diambil

Ahli farmasi anda akan menasihatkan dos yang diperlukan setiap hari dantempoh pengambilan ubat ini. Ini bergantung kepada keadaan anda dan jika anda mengambilmana-mana ubat-ubatan lain.

Dewasa: 1 hingga 1½ tablet, tiga atau empat kali sehari (maksima 6 tablet sehari).

Kanak-kanak tidak boleh diberi paracetamol selama lebih daripada 3 hari tanpa berunding dengan doktor.

Tidak boleh diambil lebih daripada empat kali sehari dan dengan selang tidak kurang daripada empat jam antara setiap dos.

### Bila perlu diambil

Ikut arahan pada label dan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### -Berapa lama perlu diambil

Ikut arahan pada label dan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### -Jika terlupa mengambil

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Jika ia hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan ambil ubat itu pada masa yang dijadualkan seterusnya.

Jangan mengambil ubat tambahan untuk menggantikan dos yang tertinggal. Ini boleh meningkatkan kebarangkalian anda mendapat kesan-kesan sampingan yang tidak diingini.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Dapatkan bantuan perubatan kecemasan di hospital terdekat

# ACTIMOL TABLET 650MG

Paracetamol 650mg

---

Jika anda fikir anda atau orang lain telah menggunakan terlalu banyak ubat ini walaupun tiada gejala keracunan kerana risiko kerosakan pada hati adalah tinggi.

## Semasa menggunakan Actimol Tablet 650 mg

### -Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat ini mengikut arahan doktor anda atau sepertimana terdapat pada label. Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi jika simptom berterusan.
- Semasa mendapat rawatan lain, maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi bahawa anda sedang menggunakan Actimol Tablet 650 mg.
- Beritahu doktor sekiranya anda mengalami sakit kepala berterusan.
- Beritahu doktor atau farmasi anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berkongsi ubat anda dengan sesiapa walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

Jangan mengambil ubat ini untuk merawat sebarang keadaan lain tanpa arahan doktor atau ahli farmasi.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika anda hamil atau sedang menyusukan bayi, jangan ambil Actimol Tablet 650 mg tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda terlebih dahulu.

## Kesan-kesan sampingan

Semua ubat-ubatan mungkin mempunyai beberapa kesan sampingan yang tidak diingini. Kesan-kesan sampingan yang tidak diingini tidak selalu berlaku kepada setiap orang. Beritahu doktor atau ahli farmasi anda secepat mungkin jika anda tidak berasa sihat semasa anda mengambil Actimol Tablet 650 mg.

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda sekiranya ada apa-apa soalan yang anda ingin tanya.

Paracetamol boleh menyebabkan tindak balas kulit yang teruk. Gejala-gejala termasuk kulit kemerahan, lepuh atau ruam. Jika tindak balas ini berlaku, berhenti menggunakannya dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera.

Kesan sampingan yang teruk seperti tindak balas pada kulit termasuk radang kulit, bengkak pada lapisan bawah kulit, masalah kulit yang serius seperti Steven Johnson Syndrome/Toxic Epidermal Necrolysis, kiraan platelet rendah, bilangan sel darah putih yang rendah, penyempitan saluran udara paru-paru (kemungkinan besar dalam pesakit asma yang sensitif kepada aspirin atau *nonsteroidal anti-inflammatory drugs (NSAID)* lain) dan serangan mengejut kegagalan hati pernah dilaporkan.

Dinasihatkan berjumpa doktor atau /ahli farmasi untuk maklumat lanjut.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [Consumers Reporting Side Effects to

Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

## Cara Penyimpanan dan Pelupusan Actimol Tablet 650 mg

### -Penyimpanan

Simpan semua ubat-ubatan daripada penglihatan dan jangkauan kanak-kanak.

Jangan mengambil ubat ini selepas tarikh tamat tempoh yang dicetak pada bungkusan produk.

Simpan ubat anda di tempat yang sejuk dan kering di mana suhunya sentiasa dibawah 30°C. Lindungi daripada cahaya dan kelembapan.

### -Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah.

Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### Rupa dan warna produk

Berwarna putih, tablet bentuk bujur panjang dengan ikon Pharmaniaga di satu permukaan dan garisan belahan di permukaan yang lain.

### -Bahan bahan kandungan

Bahan aktif :

Setiap tablet mengandungi Paracetamol 650 mg.

Bahan tidak aktif:

*Corn starch, Pregelatinized starch, Povidone, Sodium carboxymethyl starch and Stearic acid:*

### -Nombor MAL:

MAL16125044XZ

# ACTIMOL TABLET 650MG

Paracetamol 650mg

---

**Pengilang**

Pharmaniaga Manufacturing  
Berhad. (198001006232),  
11A, Jalan P/1, Kawasan  
Perusahaan Bangi, 43650 Bandar  
Baru Bangi, Selangor Darul  
Ehsan, Malaysia.

**Pemegang Pendaftaran Produk:**

Pharmaniaga Manufacturing  
Berhad (198001006232)  
11A, Jalan P/1, Kawasan  
Perusahaan Bangi, 43650 Bandar  
Baru Bangi, Selangor Darul  
Ehsan, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP:**

-25/04/2022

**Nombor Siri:**

- NPRA(R2/1)220407/866